

UPM UNGGULI PENYELIDIKAN

Bolot 10 pingat emas, 13 perak, tujuh gangsa

Oleh Noor Azam Abd Aziz
azam@hmetro.com.my

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) memenangi 10 pingat emas, 13 perak dan tujuh gangsa sempena Ekspo Sains dan Teknologi 2003 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Dengan jumlah kutipan emas sebanyak 10 pingat, ia melayakkan universiti berkenaan muncul sebagai IPTA yang mendapat pencapaian cemerlang dalam bidang penyelidikan tahun ini.

Tempat kedua diikuti USM dengan lapan pingat emas, Mardi lima emas, manakala Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Teknologi Mara masing-masing dua emas.

Stable-Win Sdn Bhd, Pusat Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear (Mint) dan Stesen Bumi Pusat Remote Sensing Malaysia (MACRES) masing-masing memenangi satu pingat emas.

UPM turut meraih tempat perta-



BANGGA...penyelidik UPM meraikan kejayaan mereka bersama pingat masing-masing.

ma bagi kategori Booth Special Design pada pameran itu dengan menerima trofi dan sijil penghargaan.

Pada penyertaan kali ini, universiti berkenaan menghantar 29 penyelidik dan kejayaan itu cukup bermakna dengan peningkatan jumlah pungutan pingat berbanding 23 pingat pada 2002.

Pengarah Pusat Pengurusan Pe-

nyelidikan, Prof Madya Dr Shawahid Othman, berkata kejayaan berkenaan membuktikan kemampuan universiti itu dalam kerja penyelidikan.

Malah, kejayaan berkenaan adalah kesinambungan pertandingan yang diadakan sempena Pameran Reka Cipta dan Penyelidikan UPM pada Julai lalu.

"Panel jawatankuasa pemilihan peringkat UPM membuat penilaian sekali lagi terhadap projek penyelidikan yang berjaya untuk mewakili UPM ke peringkat antarabangsa," katanya.

Pengerusi pertandingan, Dr Wan Manshol Wan Zin pula berkata, ciptaan yang menang memenuhi kriteria ditetapkan seperti keaslian

ciptaan, kegunaannya kepada masyarakat selain persembahan ketika pameran dan risalah yang didedarkan.

"Walaupun hanya satu penyertaan luar negara, ini menunjukkan pertandingan semakin berkualiti," katanya selepas majlis penyampaian hadiah di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).